

Melaka bakal buat catuan

MELAKA - Sekiranya paras air di Empangan Durian Tunggal, Alor Gajah di sini terus mencatatkan penurunan dalam tempoh dua minggu dari sekarang, penduduk di negeri ini bakal berdepan dengan catuan air.

Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron berkata, bacaan terkini paras air di empangan tersebut berada pada paras kritikal dengan kapasiti 50 peratus jauh melebihi paras normal sebanyak 75 peratus.

Menurut beliau, kerajaan negeri juga telah mengarahkan Badan Kawal Selia Air negeri untuk memeriksa kedalaman sebenar empangan berkenaan kerana kapasiti air sebanyak 50 peratus itu mungkin bercampur dengan mendakan dan lumpur.

"Jika jumlah sebenar bekalan air di Empangan Durian Tunggal kurang daripada 50 peratus, maka kita akan mula melaksanakan catuan air di negeri ini dalam tempoh dua minggu lagi.

"Namun demikian, sekiranya jumlah sebenar kawasan tadahan itu kekal atau melebihi 50 peratus maka ia akan dapat terus bertahan sekurang-kurangnya dalam tempoh 30 hari," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Exco kerajaan negeri di Seri Negeri, Ayer Keroh di sini semalam.